

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL PiNTAS
TERHADAP MOTIVASI PENCAPAIAN,
KEMAHIRAN BELAJAR DAN PRESTASI
AKADEMIK MAHASISWA BERPENCAPAIAN
RENDAH**

AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL PiNTAS
TERHADAP MOTIVASI PENCAPAIAN,
KEMAHIRAN BELAJAR DAN PRESTASI
AKADEMIK MAHASISWA BERPENCAPAIAN
RENDAH**

oleh

AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana mempermudah saya melalui pelbagai cabaran emosi, kekangan masa dan dalam proses menimba ilmu yang tiada penghujungnya. Pertama sekali setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada YM Dr Syed Mohamad bin Syed Abdullah (KB,PA) selaku penyelia utama tesis dan Dr Shahizan bin Hasan (KB,PA) serta Dr Nurul Fazzuan bin Khalid (KB,PA) sebagai penyelia bersama yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, ilmu pengetahuan, bimbingan serta dorongan yang berterusan sehingga terhasilnya kajian yang dapat disempurnakan dengan baik. Tidak lupa jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Dr Shamsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu melalui Yayasan Terengganu yang terlibat secara langsung dalam memberikan kerjasama dan cadangan yang membina termasuk memberi kebenaran menggunakan Sekretariat Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) untuk mendapatkan sebahagian daripada responden yang digunakan dalam kajian ini.

Akhir sekali, kalungan terima kasih buat isteri tercinta Halina binti Zakaria yang sentiasa menyokong dan menjadi kekuatan utama, anak-anak yang menjadi sumber inspirasi dan pendorong yang setia serta rakan-rakan yang sentiasa memberi perangsang sehingga sampai ke tahap ini. Hanya Allah S.W.T. sahajalah yang dapat memberikan ganjaran buat kalian.

Ahmad Razif Abd Rahman (KB, PA)

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	10
1.3 Pernyataan Masalah.....	17
1.4 Objektif Kajian.....	23
1.5 Soalan Kajian	24
1.6 Rasional dan Kepentingan Kajian.....	24
1.6.1 Mengetahui, Membantu dan Membimbing Mahasiswa Menghadapi Masalah Berkaitan Akademik Di Universiti Secara Berkesan	24
1.6.2 Bimbingan dalam Memastikan Kecemerlangan Akademik Yang Berterusan.....	25
1.6.3 Meningkatkan Motivasi Pencapaian Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	26
1.6.4 Meningkatkan Penguasaan Terhadap Kemahiran Belajar Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	27
1.6.5 Memperkasakan Fungsi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di IPT	28
1.7 Limitasi Kajian.....	29
1.8 Signifikan Kajian	31
1.8.1 Mahasiswa IPT.....	32

1.8.2	Kaunselor dan Pensyarah IPT	32
1.8.3	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	33
1.9	Definisi Pemboleh Ubah Kajian	34
1.9.1	Motivasi Pencapaian	34
1.9.2	Kemahiran Belajar	37
1.9.3	Modul	39
1.9.4	Mahasiswa.....	41
1.9.5	Berpencapaian Rendah.....	43
1.9.6	Institusi Pengajian Tinggi (IPT).....	46
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	48
1.11	Rumusan	50
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	52
2.1	Pendahuluan	52
2.2	Mahasiswa Berpencapaian Rendah di Universiti.....	52
2.2.1	Cabaran Mahasiswa Di Universiti	56
2.3	Motivasi Pencapaian	64
2.3.1	Teori Motivasi Pencapaian McClelland.....	67
2.3.2	Faktor-faktor yang Meningkatkan Motivasi Pencapaian	71
2.4	Kemahiran Belajar	76
2.4.1	Model Kemahiran Belajar Dennis Congos	82
2.4.2	Hubungan Kemahiran Belajar dan Prestasi Akademik.....	87
2.5	Prestasi Akademik Mahasiswa Universiti.....	90
2.5.1	Faktor-faktor yang Meningkatkan Prestasi Akademik Mahasiswa.....	92
2.5.2	Faktor-faktor yang Mengganggu Prestasi Akademik Mahasiswa.....	96
2.6	Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling di Universiti	103
2.6.1	Intervensi Bimbingan dan Kaunseling Terhadap Pelajar / Mahasiswa.....	106

2.6.2	Modul Intervensi Bimbingan dan Kaunseling Untuk Pelajar/Mahasiswa	109
2.7	Teori Pilihan.....	115
2.7.1	Terapi Realiti.....	116
2.7.2	Sistem WDEP	118
2.8	Kerangka Teori	122
2.9	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Intervensi Mahasiswa Berpencapaian Rendah	124
2.10	Rumusan	129
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	130
3.1	Pendahuluan	130
3.2	Pendekatan Kajian.....	130
3.3	Reka Bentuk Kajian	138
3.4	Lokasi Kajian	141
3.5	Persampelan Kajian.....	143
3.6	Pemboleh Ubah Kajian	145
3.7	Instrumen Kajian.....	146
3.7.1	Soal Selidik	146
3.7.2	Modul Program Intervensi Akademik Siswa (PiNTAS).....	158
3.8	Kajian Rintis	159
3.9	Prosedur Pelaksanaan Kajian	162
3.10	Tatacara Pengumpulan dan Analisis Data.....	166
3.10.1	Tatacara Pengumpulan Data	166
3.10.2	Analisis Data	168
3.11	Kesimpulan	170
BAB 4	PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL	171
4.1	Pendahuluan	171
4.2	Definisi Modul	172

4.3	Reka Bentuk Pembinaan Modul: Model Pembinaan Modul Sidek (MPMS)	175
4.4	Prosedur Pembinaan Modul PiNTAS	178
4.4.1	Fasa Pertama: Penyediaan Modul PiNTAS	178
4.4.2	Fasa Kedua: Mencuba dan Menilai Modul PiNTAS	185
4.5	Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa).....	188
4.5.1	Konsep dan Strategi Modul PiNTAS.....	191
4.5.2	Objektif Modul.....	194
4.5.3	Sasaran Pengkaji	195
4.5.4	Pemetaan Pelaksanaan Modul PiNTAS	195
4.5.5	Pembangunan Aktiviti Modul.....	207
4.5.6	Kajian Rintis	208
4.5.7	Kebolehpercayaan Modul PiNTAS	208
4.5.8	Kesahan Modul	210
4.6	Kesimpulan	216
BAB 5	DAPATAN KAJIAN.....	217
5.1	Pendahuluan	217
5.2	Profil Mahasiswa Universiti yang Berpencapaian Rendah.....	217
5.3	Isu dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa Berpencapaian Rendah	221
5.3.1	Akademik.....	225
5.3.2	Personal.....	228
5.3.3	Sosial dan Kerjaya	231
5.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa).....	233
5.4.1	Kesahan Modul PiNTAS	233
5.4.2	Kebolehpercayaan Modul PiNTAS	237
5.5	Kesan Modul PiNTAS terhadap Motivasi Pencapaian Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	240

5.6	Kesan Modul PiNTAS terhadap Kemahiran Belajar Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	247
5.7	Kesan Modul PiNTAS terhadap Prestasi Akademik Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	252
5.8	Kesimpulan	257
BAB 6	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	258
6.1	Pengenalan	258
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian.....	258
6.2.1	Ciri-ciri Latar Belakang Profil Mahasiswa Universiti Yang Berpencapaian Rendah.....	259
6.2.2	Isu dan Cabaran Mahasiswa Universiti yang Berpencapaian Rendah	261
6.2.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa).....	268
6.2.4	Kesan Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa) Terhadap Motivasi Pencapaian Mahasiswa yang Berpencapaian Rendah.....	272
6.2.5	Kesan Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa) Terhadap Kemahiran Belajar Mahasiswa Yang Berpencapaian Rendah.....	275
6.2.6	Kesan Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa) Terhadap Prestasi Akademik Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	277
6.3	Implikasi Kajian	279
6.3.1	Implikasi Teoritikal.....	280
6.3.2	Implikasi Praktikal	282
6.4	Sumbangan Kajian Kepada Ilmu	283
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	284
6.6	Rumusan	285
	RUJUKAN	287
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Jumlah Enrolmen dan Keluaran Pelajar Universiti Awam Malaysia 2017 dan 2018..... 14
Jadual 3.1	Reka Bentuk Kuasi-Eksperimen Kaedah Ujian Pra-Pasca Satu Kumpulan Eksperimen..... 141
Jadual 3.2	Jumlah Pentadbiran Item dalam Instrumen Motivasi Pencapaian (IMP)..... 148
Jadual 3.3	Hasil Analisis Nilai Kebolehpercayaan Item IMP 150
Jadual 3.4	Kesahan Instrumen Konstruk Item Berdasarkan Nilai Pekali Korelasi. 151
Jadual 3.5	Pembahagian Domain dan Item IKB 154
Jadual 3.6	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Instrumen Kemahiran Belajar 155
Jadual 3.7	Taburan Demografi Kajian Rintis..... 160
Jadual 3.8	Soalan Kajian, Jenis dan Analisis Data..... 168
Jadual 4.1	Nilai Kebolehpercayaan Keseluruhan Modul PiNTAS 209
Jadual 4.2	Konstruk Penilaian Kesahan Kandungan Modul PINTAS 211
Jadual 4.3	Senarai Pakar Penilai Kesahan Modul PiNTAS 213
Jadual 4.4	Komen dan Cadangan Pakar Penilai Kesahan Kandungan Modul PiNTAS..... 214
Jadual 4.5	Pandangan Keseluruhan Pakar Penilai..... 215
Jadual 5.1	Latar Belakang Peribadi Responden 218
Jadual 5.2	Latar Belakang Akademik Responden..... 219
Jadual 5.3	Profil Mahasiswa Universiti Berpencapaian Rendah (Jantina, Umur, SES, Lokaliti, Laluan Masuk Ke Universiti, Universiti, Semester)..... 220
Jadual 5.4	Profil Mahasiswa Universiti Berpencapaian Rendah (GPA, CGPA) 221

Jadual 5.5	Isu dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	223
Jadual 5.6	Isu dan Cabaran Akademik yang Dihadapi Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	226
Jadual 5.7	Isu dan Cabaran Personal Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	229
Jadual 5.8	Isu dan Cabaran Sosial dan Kerjaya Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	232
Jadual 5.9	Kesahan Modul PiNTAS	234
Jadual 5.10	Kesahan Kandungan Modul PiNTAS (Pensyarah IPT).....	235
Jadual 5.11	Kesahan Kandungan Modul PiNTAS (Kaunselor JPNT).....	237
Jadual 5.12	Kebolehpercayaan Modul PiNTAS	237
Jadual 5.13	Kebolehpercayaan Modul PiNTAS	238
Jadual 5.14	Hasil Ujian T Bagi Dua Sampel Bergantungan bagi IMP	242
Jadual 5.15	Kaedah Pensampelan Bootstrap terhadap Hasil Ujian T bagi IMP.....	242
Jadual 5.16	Kesan Modul PiNTAS terhadap Motivasi Pencapaian Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	244
Jadual 5.17	Hasil Ujian T bagi dua sampel bergantung bagi IKB	248
Jadual 5.18	Kaedah Pensampelan Bootstrap terhadap Hasil Ujian T bagi IKB.....	249
Jadual 5.19	Kesan Modul PiNTAS terhadap Kemahiran Belajar Mahasiswa Berpencapaian Rendah.....	251
Jadual 5.20	Keputusan Peperiksaan Semasa dan Prestasi Akademik Responden.....	253
Jadual 5.21	Peningkatan dan penurunan dalam prestasi akademik serta kenyataan daripada responden yang dalam tempoh penangguhan pengajian.....	255

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka konseptual kajian 48
Rajah 2.1	Kerangka teoritikal kajian 122
Rajah 3.1	Model triangulasi gabungan (mixed methods)..... 135
Rajah 3.2	Pendekatan Kajian (Mixed Methods) Modul PiNTAS 137
Rajah 3.3	Pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar kajian 146
Rajah 3.4	Prosedur pelaksanaan kajian modul PiNTAS 165
Rajah 3.5	Tatacara pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif 167
Rajah 4.1	Model Pembinaan Modul Sidek..... 177
Rajah 4.2	Fasa penyediaan Modul PiNTAS..... 179
Rajah 4.3	Kerangka konsep Modul PiNTAS 193
Rajah 4.4	Pemetaan pelaksanaan Modul PiNTAS 197
Rajah 4.5	Kerangka Fasa Modul PiNTAS 198
Rajah 5.1	Sub-tema isu dan cabaran akademik yang dihadapi mahasiswa berprestasi rendah 226
Rajah 5.2	Sub-tema bagi isu dan cabaran personal yang dihadapi mahasiswa berprestasi rendah 228
Rajah 5.3	Sub-tema bagi isu dan cabaran sosial dan kerjaya yang dihadapi mahasiswa berprestasi rendah 231
Rajah 5.4	Carta Bar Peratusan Relatif Skor Kemahiran Belajar bagi IMP Mengikut Responden. 241
Rajah 5.5	Histogram bagi perbezaan min bootstrap terhadap hasil Ujian T bagi IMP 243
Rajah 5.6	Carta bar peratusan relatif skor kemahiran belajar bagi IKB mengikut responden 247
Rajah 5.7	Histogram bagi perbezaan min Bootstrap terhadap hasil Ujian T bagi IKB..... 249

SENARAI SINGKATAN

AMS	<i>Academic Motivation Scale</i>
ASGW	<i>American Society of Group Work</i>
CEI	<i>Career Exploration Intervention</i>
CET	<i>Cognitive Evaluation Theory</i>
CGPA	<i>Cumulative Grade Point Average</i>
DCSSI	<i>Dennis Congos Study Skills Inventory</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
FPPSM	Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia
GEFI	<i>Global Education First Initiative/Inisiatif Pertama Pendidikan Global</i>
GPA	<i>Grade Point Average</i>
HRU	<i>High risk undercover</i>
ICM	Instrumen Cabaran Mahasiswa
IKB	Instrumen Kemahiran Belajar
IMP	Instrumen Motivasi Pencapaian
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
I-Sc	Modul <i>Islamic Spiritual Counselling</i>
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KB	Kaunselor Berdaftar
KUiTTHO	Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn
KUIM	Kolej Universiti Sains Islam Melaka (KUIM)
MOOC	<i>Massive Open Online Courses</i>
MPCL	<i>Mooney Problem Check List</i>
MPMS	Model Pembinaan Modul Sidek

MRM	Intervensi Modul Rakan Mentor
NSW	<i>New South Wales</i>
OECD	<i>Organization for Economic Cooperation & Development</i>
OIT	<i>Organismic Integration Theory</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PERMATA	Perkumpulan Anak-anak Terengganu
PiNTAS	Program Intervensi Akademik Siswa
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNG	Purata Nilai Gred
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPE	Penyesuaian Peribadi-Emosi
SAP	Sijil Am Pelajaran
SAT	<i>Scholastic Aptitude Test</i>
SDT	<i>Self-Determination Theory</i>
SERVPERF	<i>Service Performance</i>
SLR	<i>Self-Regulated Learning</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STT	Sekolah Tinggi Teknologi
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
U	Pengukuran
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UMCCed	Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional

USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
WDEP	<i>Wants, Doing, Evaluation, Planning</i>
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
X	Rawatan

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL PiNTAS TERHADAP MOTIVASI
PENCAPAIAN, KEMAHIRAN BELAJAR DAN PRESTASI AKADEMIK
MAHASISWA BERPENCAPAIAN RENDAH**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa) serta menguji kesannya terhadap motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik mahasiswa berprestasi rendah. Fasa pertama kajian ini adalah melibatkan pembinaan Modul PiNTAS menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek yang mengandungi dua fasa utama iaitu (i) Penyediaan Draf Modul, dan (ii) Mencuba dan Menilai Modul. Manakala fasa kedua kajian ini melibatkan pengujian kesan Modul PiNTAS terhadap motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik dalam kalangan mahasiswa berprestasi rendah. Kesan Modul PiNTAS dilaporkan pada tahap tinggi iaitu sebanyak 89.00 hasil analisis daripada sembilan orang penilai pakar. Manakala kebolehpercayaan Modul PiNTAS pula mencatatkan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 iaitu 0.908. Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen ujian pra dan pasca satu kumpulan digunakan dalam kajian ini. Seramai 14 responden yang terdiri dalam kalangan mahasiswa berprestasi rendah (GPA di bawah 2.5) daripada tiga buah universiti awam telah dilibatkan. Modul PiNTAS menggunakan pendekatan kaunseling (6 sesi) dan bimbingan (3 sesi) yang merentasi tiga fasa utama iaitu, Pengesanan, Pemulihan dan Pengupayaan. Data kajian dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Instrumen Motivasi Pencapaian (IMP) dan Instrumen Kemahiran Belajar (IKB) digunakan untuk mengukur motivasi pencapaian dan kemahiran belajar responden. Manakala prestasi akademik diukur melalui perbandingan keputusan peperiksaan akhir responden. Hasil kajian dianalisis

menggunakan gabungan analisis perihalan (numerikal dan grafikal), inferensi (pengujian t dengan dua sampel bergantung) dan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan Modul PiNTAS berkesan dalam meningkatkan motivasi pencapaian ($t = -4.102, p = 0.001$), kemahiran belajar ($t = -6.958, p = 0.000$) dan prestasi akademik (GPA) responden. Hasil analisis kandungan telah berjaya menghuraikan dengan lebih terperinci tentang keberkesanan Modul PiNTAS. Hal ini membuktikan bahawa modul PiNTAS telah berjaya meningkatkan motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik mahasiswa berprestasi rendah di universiti.

**DEVELOPING AND EFFECTS OF THE "PiNTAS" MODULE ON
ACHIEVEMENT MOTIVATION, LEARNING SKILLS AND ACADEMIC
PERFORMANCE AMONG LOW-ACHIEVING UNIVERSITY STUDENTS**

ABSTRACT

This study aims to develop the PiNTAS (*Program Intervensi Akademik Siswa* or Academic Intervention For University Students Program) Module and study the effects of this module on achievement motivation, learning skills and academic performance among low-achieving university students. The first phase of this study involves the development of the PiNTAS Module based on the application of the Sidek Module Development Model that contains two main phases, (i) Preparation of the Module Draft and (ii) Application and Testing of the Module. Following that, the second phase of this study involves exploring the effects of the PiNTAS Module on achievement motivation, learning skills and academic performance among low-achieving university students. The PiNTAS Module reported a high validity value, that is, 89.00 based on analysis by nine expert evaluators. Additionally, the reliability of the PiNTAS Module was recorded at Cronbach's Alpha value of more than 0.70, that is, 0.908. The research design of this study was quasi-experimental with pre-tests and post-tests conducted on a group of participants involved in this study. As many as 14 respondents comprising of low-achieving university students (GPA of less than 2.5) from three public universities were involved. The PiNTAS Module applied a counseling (6 sessions) and guidance (3 sessions) approach that spanned the three main phases of - Identification, Recovery and Empowerment phases. Data from this study was analysed quantitatively and qualitatively. The Achievement Motivation Instrument (*Instrumen Motivasi Pencapaian / IMP*) and the Learning Skills

Instrument (*Instrumen Kemahiran Belajar / IKB*) were used to study achievement motivation and learning skills of the respondents. On the other hand, academic performance was studied by comparing and analysing results of the respondents' final examination. Results of the study were analysed using a combination of descriptive analysis (numerical and graphical), inferences (t-testing of two corresponding samples) and content analysis. Results of this study show that the PiNTAS Module was effective in increasing achievement motivation ($t = -4.102, p = 0.001$), learning skills ($t = -6.958, p = 0.000$) and academic performance (GPA) of the respondents. Content analysis conducted shows a more in-depth description of the effectiveness of the PiNTAS Module. This has proven that the PiNTAS Module is effective in increasing achievement motivation, learning skills and academic performance of low-achieving university students.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan aset pelaburan yang amat penting, baik kepada individu itu sendiri mahupun kepada pembangunan sesebuah negara. Peranan pendidikan sebagai pencetus kreativiti dan penjana inovasi berupaya melengkapkan individu dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, sekaligus menjadi penggerak kepada perkembangan serta pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara (Mohd Najib, 2012). Seajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah dibentuk sejak tahun 1988 lagi, kerajaan begitu komited dalam menyediakan suatu sistem pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia serta berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pelbagai usaha dilaksanakan dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara ke arah lebih komprehensif sejak dari zaman kemerdekaan lagi.

Kini, dunia telah pun melepasi tahun 2020 yang mana gagasan Wawasan 2020 yang diisytiharkan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 perlu direnung kembali, adakah kedudukan Malaysia pada hari ini telah berjaya merealisasikan cabaran-cabaran yang diketengahkan dalam gagasan ini? Wawasan 2020 meletakkan pendidikan sebagai teras utama untuk negara mencapai aspirasi yang diinginkannya. Meskipun sistem pendidikan tinggi dan IPT tempatan pada hari ini telah mencapai banyak kemajuan, namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjelaskan bahawa hampir semua pemegang taruh berpendapat banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan

untuk memenuhi cita-cita dan aspirasi warga Malaysia dalam terus meningkatkan pendidikan tinggi negara sekaligus menangkis cabaran-cabaran yang bakal dihadapi pada masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dirangka, terdapat dua aspek aspirasi transformasi sistem pendidikan tinggi yang telah dikemukakan iaitu pertamanya, aspirasi yang menyokong sistem pendidikan secara keseluruhan berdasarkan lima komponen utama yakni akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Keduanya adalah aspirasi yang menyokong pelajar secara individu melalui enam ciri (*atribut*) dari segi pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran kepimpinan, jati diri kebangsaan, etika dan kerohanian. Jadi, dunia akademik perlu melalui transformasi yang besar, menyeluruh dan segera untuk memulakan persekitaran pendidikan yang digelar sebagai Akademia Baharu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), Akademia Baharu dipacu menerusi kecemerlangan akademik dari segala aspek dan budaya pengetahuan yang mendalam, hasil pemahaman dan penghargaan yang tulus terhadap pengetahuan serta ianya bukan sekadar melibatkan fakulti sesebuah institusi, tetapi juga keseluruhan komuniti akademik dan rangkaian luas.

Sistem pendidikan yang dibina haruslah meletakkan konsep kebertanggungjawaban bersama yang mana pendidikan bertindak sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah yang melanda masyarakat dan menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang maju, bersatu padu dan berdaya saing. Justeru, universiti awam dan pengajian tinggi di Malaysia seharusnya menjadi medan intelektual terbuka dalam mempertingkatkan ketinggian kualiti menerusi aspek kecemerlangan, relevan dan keberkesanan. Dalam erti kata lain, universiti dan

institusi pengajian tinggi menjadi salah satu medan dalam membangunkan modal insan yang berkualiti selaras matlamat yang ingin dicapai oleh negara.

Perkembangan pesat institusi pendidikan tinggi atau universiti pada masa kini telah menjadikan sistem pendidikan turut berkembang sejajar dengan keperluan global dalam membentuk rakyat negara yang lengkap dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan sekaligus dapat memacu pertumbuhan negara pada masa hadapan. Menurut Zulkefli (2007), modal insan dalam pengajian tinggi merupakan modal intelek (*intellectual capital*) iaitu terdiri daripada golongan akademik, pelajar pengajian tinggi dan golongan yang memberi perkhidmatan sokongan kritikal dari segi polisi, pengurusan dan pentadbiran dalam pembangunan kapasiti. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Kebangsaan (PSPTK) 2007-2010 merupakan langkah awal kerajaan dalam memulakan transformasi sektor pengajian tinggi negara untuk membangunkan modal insan kelas pertama menerusi pendidikan di universiti-universiti (Nurul Haerani & Ahmad, 2013).

Peranan universiti dalam membangunkan modal insan dilihat dapat memberi pertumbuhan jangka masa panjang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara antaranya adalah memberi kesan pengganda dalam bidang pekerjaan (Florida, 2000; Faggian & McCann, 2009). Hal ini adalah kerana kesediaan stok modal insan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi akan menjadi daya penarik kepada firma dalam pembuatan keputusan lokasi. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjana ekonomi dan peningkatan dalam pendapatan per kapita bagi sesebuah wilayah (Florida, 2000). Di samping itu, pembangunan modal insan yang berkualiti dapat meningkatkan produktiviti melalui peningkatan potensi produktiviti pekerja dan menjana input faktor pengeluaran menerusi peningkatan keupayaan teknologi (Knight & Yorke, 2003). Oleh sebab itu, pendidikan tinggi di universiti memainkan

peranan yang sangat penting kerana, tahap pendidikan dan kemahiran yang lebih tinggi dilihat membantu sesebuah negara itu untuk bersaing dalam sektor berasaskan pengetahuan pada era globalisasi kini.

Cabaran dalam meningkatkan kapasiti graduan yang berintelektual tinggi terutamanya dalam aspek kecemerlangan akademik adalah antara salah satu isu yang sering dibangkitkan dalam pembangunan pendidikan tinggi negara (Norhani, Noor Zainab, Hamidah & Aminah, 2005). Antaranya adalah isu keciciran pendidikan dalam kalangan mereka yang diberi peluang mendapatkan akses pendidikan. Isu keciciran pelajar merupakan isu pendidikan global yang banyak dibincangkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagaimana usaha penubuhan Inisiatif Pertama Pendidikan Global (GEFI) pada tahun 2012 dalam memperkasakan pendidikan merentasi keperluan global (Harian Metro, 2015). Fenomena keciciran pendidikan ini bukan hanya dihadapi oleh negara-negara sedang membangun tetapi ia juga dihadapi oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Jepun dan lain-lain lagi. Menerusi kajian Martin & Halperin (2006); Gilmore (2010); Paton (2012) dalam Waleed, Mimi Hanida dan Azlina (2019) yang telah mendapati bahawa satu per tiga pelajar yang melanjutkan pendidikan di peringkat sekolah tinggi gagal untuk menghabiskan pengajian. Di Kanada, kadar keciciran dalam kalangan pelajar semakin menurun, namun 10% daripadanya gagal untuk menghabiskan pengajian sekolah tinggi mereka. Di United Kingdom pula dianggarkan satu daripada lima orang pelajar gagal menamatkan pengajian sebelum umur mencecah 16 tahun.

Keciciran pendidikan dilihat memberi kesan seperti berlakunya masalah-masalah sosial dan ekonomi yang lain pada jangka masa panjang (Rusmawati, Asmaddy, Zulkarnain, Azmawani & Yuhanis, 2016). Menurut Roger et al. (2012) dalam Rusmawati et al. (2016) mendapati bahawa golongan muda yang tercacir di peringkat persekolahan lazimnya, mereka ini adalah tergolong dalam kelompok yang kurang berpeluang untuk mencapai tahap akademik yang lebih baik. Dianggarkan lebih kurang 20% daripada golongan tercacir pekerjaan adalah mereka yang tidak memperolehi sebarang kelulusan akademik yang mana kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan belia yang tidak mempunyai kelulusan yakni tercacir pendidikan. Selain itu, Simon Cox dalam *BBC News* pada 24 Ogos 2011 mendapati bahawa kecaciran pendidikan boleh menjurus kepada masalah kurang keyakinan diri, hilang motivasi, tahap kesihatan yang rendah, tekanan jiwa, dan masalah mental (Rusmawati et al., 2016). Senario kecaciran pendidikan dalam kalangan individu tidak sepatutnya berlaku kerana setiap orang mempunyai peluang, hak dan sumber produktif negara.

Sehubungan itu, kajian penyelidikan ini melihat bahawa isu kecaciran pendidikan pada masa kini tidak lagi melibatkan mereka yang tidak dapat menerima pendidikan asas di peringkat persekolahan, namun kecaciran pendidikan itu meliputi kepada individu yang tidak dapat menamatkan pendidikan atau pengajian mereka pada peringkat tinggi iaitu universiti. Pada peringkat pengajian tinggi atau lebih tepat di universiti, pelajar atau individu ini dikenali dengan gelaran mahasiswa atau siswa. Menerusi laporan penyelidikan yang dikeluarkan oleh *European Commission: Education and Culture* (2015) mendapati bahawa 35 buah negara di wilayah Eropah menghadapi kecaciran pendidikan tinggi yang serius. Hal ini demikian kerana laporan tersebut telah merekodkan peningkatan yang ketara dalam kalangan mahasiswa di

Eropah yang tercicir (*dropout*), yakni tidak dapat menamatkan pengajian mereka di peringkat diploma mahupun ijazah saban tahun. Sebagai contoh, institusi pendidikan tinggi negara Austria telah melaporkan statistik keciciran mahasiswa universiti di negara tersebut pada tahun 2012-2013 adalah sebanyak 40.8 peratus bagi pengajian Ijazah Sarjana Muda Sastera, 18.1 peratus pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains dan 33.5 peratus bagi pengajian Diploma (*European Commission: Education and Culture, 2015*).

Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada kualiti sistem pendidikan tinggi sesebuah negara tersebut, bahkan ia mendatangkan kerugian kepada penggunaan sumber kewangan negara yang dilaburkan. Menurut laporan *European Commission: Education and Culture (2015)* lagi, pengeluaran seperti dana dan insentif kepada pelajar institusi pendidikan tinggi yang tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya, telah memberi kesan kepada penggunaan sumber dan ekonomi negara-negara Eropah tersebut. Oleh hal demikian, Agenda Pemodenan (2011) yang dilancarkan adalah sebagai langkah bersama dengan semua Negara Anggota seperti Denmark, England, Estonia, Finland, Perancis, Austria, Greece, Itali, Belanda, Norway, Sweden dan banyak lagi dalam usaha meningkatkan penyertaan dan pencapaian pendidikan tinggi demi kelangsungan sumber negara pada masa hadapan (*European Commission: Education and Culture, 2015*). Selaras dengan itu, Strategi Eropah dalam kalangan negara-negara anggotanya telah menyasarkan dengan sekurang-kurangnya 40 peratus daripada mereka yang berumur 30 hingga 34 tahun akan berjaya untuk memegang kelayakan pendidikan tinggi (*tertiary*).

Dalam pada itu juga isu keciciran pendidikan tinggi yang berlaku dalam kalangan mahasiswa universiti pada hari ini, antaranya adalah bertitik tolak dengan permasalahan mahasiswa dalam akademik sehinggakan ia memberi kesan terhadap

keputusan pencapaian atau prestasi akademik mereka (Morisano, Hirsh, Peterson, Phil & Shore, 2010). Kuh, Kinzie, Buckley, Bridges dan Hayek (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa sebanyak 15 peratus mahasiswa di universiti ditamatkan pengajian berpunca daripada kelemahan mereka dalam akademik, serta kajian Lassibille dan Gómez (2008) turut merekodkan sebanyak 26 peratus mahasiswa universiti tahun pertama di Sepanyol mengambil keputusan menamatkan pengajian disebabkan oleh permasalahan akademik yang dihadapi (Azura, Rohany, Rozainee & Wan Shahrazad, 2015).

Hasil prestasi atau pencapaian akademik seseorang mahasiswa itu adalah berpunca daripada manifestasi faktor motivasi yang dijanakan oleh seseorang individu pelajar tersebut. Ini disokong oleh Mohd Zain Abdul Kader dan Abdul Hamid Kamarudin (1994) yang mendapati motivasi merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pencapaian akademik mahasiswa universiti (Sapora Sipon, 2001). Mahasiswa universiti yang sering mendapat prestasi akademik rendah kerana mereka bermotivasi lemah dalam menangani cabaran di universiti. Dalam kata lain, salah satu faktor yang dikatakan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik mahasiswa itu adalah motivasi pencapaian. Justeru, kecenderungan seseorang mahasiswa universiti tersebut untuk mengadaptasi faktor motivasi dalam meningkatkan potensi diri mereka, ianya perlu digilap melalui bimbingan yang padu dalam lingkungan sekelilingnya. Abdul Hamid, Salbiah, Mohd Tajudin, Abd. Wahid, Yusuf, Muhammad Sum, Adnan, Abd. Saman & Rosdi (1999) menyatakan bahawa ahli psikologi bersependapat, setiap individu itu boleh dan berpotensi untuk maju dalam segala aspek kehidupan mereka sekiranya mereka diberi bimbingan dengan sempurna (Norhani et al., 2005).

Selain itu, kajian lepas telah membuktikan bahawa pengetahuan dan aplikasi kemahiran belajar yang berkesan juga merupakan salah satu faktor penting dalam penentuan kejayaan akademik seseorang pelajar (Nurahimah, Rafisah, Abdull Sukor & Mohd Izam, 2012; Meneghetti, De Beni & Cornoldi, 2007; Yip, 2007). Hal ini demikian kerana kemahiran belajar yang berkesan adalah merangkumi keupayaan seseorang individu membuat perancangan yang bijak (Nurahimah et al., 2012). Meneghetti et al. (2007), turut berpendapat keupayaan seseorang pelajar dalam memanipulasikan kemahiran belajar dalam segala bentuk persekitaran di sekelilingnya merupakan perbezaan ketara yang dilihat di antara pelajar yang tergolong dalam kumpulan berprestasi tinggi berbanding dengan kumpulan pelajar berprestasi rendah (Meneghetti et al., 2007). Pelajar yang berprestasi rendah dilihat tidak menggunakan kemahiran belajar mereka secara berkesan sehingga ianya memberi kesan kepada motivasi dalam diri pelajar tersebut dan akhirnya prestasi akademik yang diperoleh adalah seperti yang tidak diharapkan. Jadi, kemahiran belajar dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Siti Hawa (1987) dalam kajiannya mendedahkan bahawa menerusi kemahiran belajar yang baik secara tidak langsung ia akan menggerakkan motivasi seseorang pelajar itu untuk bertindak dalam mencapai kecemerlangan akademik mereka.

Oleh hal demikian, program-program yang bersifat intervensi terhadap pencapaian mahasiswa di universiti perlu digiatkan bagi tujuan membantu kelompok mahasiswa yang lemah akademik dalam mendepani masalah pembelajaran mereka sepanjang tempoh pengajian di universiti. Pelaksanaan program intervensi ini dianggap sebagai suatu langkah bijak dalam membantu para mahasiswa yang menghadapi masalah pembelajaran di universiti agar mereka ini tidak terus hanyut

dalam kegagalan dan dapat meningkatkan kembali keyakinan diri serta motivasi untuk meneruskan pengajian kelak. Pendekatan menerusi program berteraskan modul ini memperlihatkan proses bimbingan terhadap mahasiswa universiti dalam meningkatkan motivasi diri selain daripada meneroka cara penyelesaian setiap permasalahan pembelajaran mereka ke arah yang lebih positif. Hal ini berdasarkan kepada pernyataan McClelland (1985) yang berpendapat bahawa seseorang mahasiswa itu berjaya meningkatkan motivasi dalamannya apabila individu tersebut bersedia, memahami dan melibatkan diri secara aktif dalam program-program yang berbentuk motivasi (Jamaludin & Mohamad Safuan, 2013).

Justeru, kajian ini memberi fokus kepada satu usaha bantuan kepada kelompok mahasiswa universiti berprestasi rendah melalui program intervensi akademik supaya dapat mengurangkan risiko keciciran mereka dalam arus persaingan di peringkat pengajian tinggi. Kelainan kajian yang dilaksanakan ini dengan kajian-kajian yang pernah dijalankan sebelumnya, adalah kajian ini bermula dengan usaha mengesan mahasiswa berprestasi rendah dengan pelbagai kaedah sebelum menjemput mereka ke dalam program intervensi dan melalui fasa pemulihan yang melibatkan sesi kaunseling. Manakala sesi bimbingan dilaksanakan seurus selepas tamat sesi kaunseling. Kesemua fasa, gerak kerja dan aktiviti yang dijalankan ini berpandukan modul khas yang dibina iaitu Modul PiNTAS (Program Intervensi Akademik Siswa). Pelaksanaan program intervensi yang menggunakan sistem kandungan modul juga dilihat lebih berkesan dan sistematik (Amalia Madihie & Sidek Mohd Noah, 2013) yang bukan sahaja bakal membantu mahasiswa dan mahasiswi di universiti awam yang lemah akademik, bahkan menjadi panduan kepada para kaunselor dan fasilitator dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan suatu bidang yang penting dalam membawa masyarakat kepada suatu proses pembangunan manusia yang bersifat holistik. Hal ini boleh dilihat menerusi intipati 10 lonjakan yang dikemukakan oleh KPM (2015), yang mana salah satu daripadanya adalah lonjakan pertama, iaitu mewujudkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Kementerian berhasrat keluaran graduan kelak, berjaya membina profil dari aspek pengetahuan bidang yang relevan dan sesuai (ilmu), etika dan kesusilaan (akhlak), tingkah laku, cara fikir, kecelikan budaya dan peradaban yang betul (beradab). Keadaan ini akan membawa keberhasilan sistem pendidikan negara pada tahap pencapaian yang terbaik, terutama sekali dari perspektif isu prestasi dalam pendidikan tinggi di Malaysia, seperti keperluan kualiti pendidikan tinggi yang lebih baik dan konsisten untuk pelajar, serta meningkatkan pulangan atas pelaburan. Hal ini turut dipersetujui Muhamad Suhaimi (2012) yang menjelaskan pendidikan holistik bukan sahaja berperanan dalam perkembangan aspek akal fikiran, jasmani dan rohani semata-mata, bahkan pembentukan keperibadian jati diri serta akhlak yang mulia akan membangunkan nilai ketamadunan bangsa itu sendiri. Oleh hal demikian, pembangunan modal insan di universiti amat penting dalam menjana pembangunan insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama, iaitu bukan sahaja melahirkan pemimpin yang mempunyai ketokohan akademik yang dihormati, tetapi juga seorang pemimpin yang mampu memimpin dan mengurus dengan berkesan, beretika dan berakhlak mulia.

Secara umumnya, pendidikan di Malaysia dikategorikan kepada beberapa peringkat iaitu bermula dengan peringkat rendah, menengah rendah, menengah atas dan peringkat tinggi (Mohd Anuar & Noor Safrina, 2009). Peringkat tinggi merupakan tahap pendidikan yang dilihat kemuncak dalam sistem pendidikan apabila

pada peringkat ini, seseorang individu itu berkembang kepada suatu pencapaian aras intelek yang lebih tinggi berdasarkan pilihan bidang mereka ceburi seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan, pendidikan, ekonomi, dan sebagainya (Mohd Anuar & Noor Safrina, 2009). Manakala Nurul Hidayati (2013) menjelaskan bahawa peringkat pendidikan tinggi itu adalah termasuk pendidikan yang terdapat di universiti, kolej dan politeknik.

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, perkembangan pesat sistem pendidikan tinggi pada hari ini memberi banyak peluang kepada individu untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai platform dan laluan yang lebih mudah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Dalam menjadikan pendidikan tinggi sebagai satu pusat penghasilan ilmu yang unggul, kompeten dan berinovasi, penyertaan para pelajar lepasan sekolah dan matrikulasi ke institusi pengajian tinggi telah membuka suatu lembaran baharu kepada mereka dalam mengembangkan potensi dan kemahiran sekaligus dapat menyumbang keperluan modal insan kepada negara mahupun antarabangsa. Oleh itu, universiti berfungsi sebagai sebuah institusi pengajian yang membekalkan proses penjanaaan ilmu agar ianya dapat menghasilkan sumber tenaga manusia dalam empat aspek utama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) di samping memenuhi aspirasi negara secara menyeluruh dan seimbang (Abdul Muqsith, 2013).

Bersesuaian dengan peranan universiti itu sendiri yang bertindak melahirkan graduan yang akan menjadi penggerak negara, aspek kecemerlangan pencapaian akademik dilihat sebagai suatu penanda aras (Mohd Yusof, 1999; Khalid, Masnani, Jamaludin, et al., 2008) kepada para mahasiswa dalam mengukur kebolehan dan kemahiran mereka dalam satu-satu perkara sekaligus dapat menangani cabaran hidup mendatang. Mahasiswa yang cemerlang akademik lazimnya adalah mereka yang

memiliki kebolehan kognitif secara bersendirian di samping bimbingan daripada orang-orang sekeliling dalam membantu perkembangan potensi mereka (Abdul Muqsith, 2013). Walau bagaimanapun, setiap manusia itu mempunyai kelemahan dan kelebihan diri tertentu yang mana bergantung pada diri seseorang itu menggunakan kedua-dua aspek pada jalan yang betul atau sebaliknya.

Kejayaan seseorang pelajar itu seringkali dikaitkan dengan skor pencapaian akademik yang cemerlang melalui pengukuran skornya dalam peperiksaan. Habibah, Sharifah Muzlia, Samsilah, dan Sidek (2011) menjelaskan ‘pencapaian akademik cemerlang’ menerusi skor peperiksaan lazimnya dapat membezakan tahap pengetahuan seseorang individu itu, untuk membuat keputusan sama ada melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, mendapatkan biasiswa atau sebagai ‘tiket’ kemasukan ke universiti-universiti terkemuka kelak. Ini turut dipersetujui oleh Waggoner dan Goldman (2005) dalam Azrinawati, Mohamad Afiq, Mohammad Khairi dan Tan (2013), yang menyatakan bahawa pelajar atau individu itu merasakan berjaya atau cemerlang apabila dirinya dapat berada di universiti yang terbaik. Hal ini adalah kerana kejayaan pelajar berkait rapat dengan keupayaan universiti itu dalam menawarkan pendidik, program dan kemasukan pelajar-pelajar yang terbaik sekaligus meningkatkan reputasi individu untuk mendapatkan pekerjaan terbaik kelak.

Pengekalan prestasi cemerlang dalam akademik merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh seseorang mahasiswa di universiti. Kegagalan mereka dalam mengekalkan prestasi cemerlang yang dicapai di peringkat sekolah ke peringkat universiti menerusi keputusan Purata Nilai Gred (PNG) yang kurang daripada 2.00 akan mengakibatkan banyak kesan negatif dalam kehidupan mereka kelak. Antaranya adalah mereka akan diberi tempoh pemerhatian (*probation*), penaja

atau biasiswa mungkin ditarik atau lebih teruk sekiranya pihak universiti mengambil keputusan untuk menamatkan pengajian mereka (Enns, Cox, Sareen & Freeman, 2001). Isu mahasiswa berprestasi rendah di peringkat institusi pengajian tinggi telah banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji baik dari luar negara mahupun dalam negara Malaysia sendiri. Menurut Rula Ali Wahsheh (2017), terdapat banyak faktor yang menyebabkan tahap pencapaian akademik seseorang pelajar universiti itu menjadi rendah. Antaranya adalah rutin pembelajaran pelajar yang tidak sesuai, masalah persekitaran, faktor keluarga dan sebagainya sehinggakan memberi kesan kepada psikologi dan spiritual mereka dan ianya diterjemahkan menerusi keputusan pencapaian akademik tersebut.

Masyarakat sering mengandaikan bahawa pelajar yang mempamerkan prestasi cemerlang di peringkat menengah seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan turut cemerlang dalam bidang akademik di universiti (Azura et al., 2015). Hakikatnya, Menurut bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr. Hou Kok Chung pada tahun 2009 yang menyatakan adalah dicatatkan seramai 4,800 (1.5 peratus) orang pelajar di institusi pengajian tinggi awam Malaysia gagal untuk menamatkan pengajian atau diberhentikan pada setiap tahun (Utusan Malaysia, 2009). Senario ini dilihat lebih membimbangkan apabila saban tahun kita akan dapat melihat dalam kalangan mahasiswa universiti tidak dapat mengekalkan prestasi atau pencapaian akademik (Dewan Rakyat Malaysia, 2017) sebagaimana ketika mereka berada di peringkat menengah atau matrikulasi. Ini dapat dilihat berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kertas Perintah 23 Tahun 2017 menerusi program operasi pendidikan tinggi bagi pengurusan perbelanjaan Kementerian Pendidikan Tinggi, telah merekodkan

sebanyak 8 peratus keciciran mahasiswa di peringkat Sarjana Muda pada tahun 2016 (Dewan Rakyat Malaysia, 2017).

Berdasarkan statistik Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators - KPI*) bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, iaitu berkenaan dengan keluaran para graduan universiti awam yang berjaya menamatkan pengajian pada masa yang ditetapkan, memperlihatkan isu keciciran akademik yang serius dalam kalangan mahasiswa di universiti awam terutama sekali pada peringkat pengajian Sarjana Muda. Senario ini secara langsung menunjukkan bahawa mahasiswa berhadapan dengan cabaran pengajian di universiti. Data statistik berikut menunjukkan perbezaan antara jumlah kemasukan dan jumlah keluaran graduan di universiti awam negara dari tahun 2014 sehingga tahun 2019. Berikut adalah statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dari tahun 2014 hingga tahun 2019 seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Jumlah Kemasukan dan Keluaran Pelajar Peringkat Sarjana Muda Universiti Awam Malaysia 2014 – 2019

Tahun	Jumlah Kemasukan	Jumlah Keluaran
2014	93,522	71,273
2015	85,703	68,558
2016	89,349	82,643
2017	96,483	79,725
2018	98,605	75,156
2019	99,831	78,485

Sumber dipetik dan diubahsuai: ‘Bab 2: Universiti Awam’, Kementerian Pengajian Tinggi, (2015; 2017; 2019), *Statistik Pendidikan Tinggi*, muat turun dari <https://www.mohe.gov.my/en/data-sharing>.

Berdasarkan kepada jumlah perangkaan yang dikeluarkan ini, secara jelas kita dapat melihat jumlah mahasiswa universiti awam yang menamatkan pengajian pada tempoh yang ditetapkan tidak seimbang dengan jumlah kemasukan yang dilihat lebih tinggi daripada jumlah keluaran yang lazimnya bagi suatu tempoh kohort pengajian di universiti. Situasi ini dibuktikan menerusi kajian oleh Morisano, et al. (2010) yang mendapati sebanyak 25% pelajar di Universiti McGill, Kanada, yang mengikuti pengajian untuk tempoh masa empat tahun tidak menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama disebabkan faktor seperti permasalahan akademik. Walaupun statistik menunjukkan jumlah kemasukan para pelajar ke universiti setiap tahun semakin meningkat terutama sekali di antara tahun 2017 sehingga tahun 2019 dengan kemasukan tahun melebihi 96,000 pelajar setiap tahun. Namun begitu, hasil keluaran yang diperoleh menunjukkan kemerosotan yang ketara apabila kurang daripada 80,000 pelajar yang dapat menamatkan pengajian pada masa yang ditetapkan. Situasi ini secara langsung memberi petanda bahawa keciciran pendidikan di peringkat pendidikan tertiar adalah berada pada tahap yang membimbangkan dan boleh merencatkan indeks pencapaian utama (*key performance index*) universiti-universiti awam di Malaysia. Jadi, cabaran terutamanya pihak universiti awam kini adalah mencari penyelesaian dalam meningkatkan dan mengekalkan lagi kecemerlangan akademik mahasiswa yang sedia ada, sebagaimana kelayakan mereka ketika diterima masuk ke universiti (Zahanim, 2017).

Maehr dan Sjogren (1971) menyatakan bahawa antara perkara yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah motivasi pencapaian. Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilihat sentiasa terdedah dengan pelbagai cabaran ketika melanjutkan pengajian di institusi tersebut, yang mana mereka bukan sahaja perlu cemerlang dalam akademik, bahkan juga perkara yang bukan akademik

(Jamaludin & Mohamad Safuan, 2013). Maka, motivasi diri dilihat sebagai suatu elemen penting yang harus dibentuk dan dibina agar mereka dapat digerakkan secara positif untuk melaksanakan kehidupan harian sebagai mahasiswa universiti. Oleh sebab itu juga McClelland (1961) menekankan bahawa terdapat hubungan yang erat antara motivasi pencapaian seseorang pelajar dengan kejayaan, kerana individu yang berjaya ialah mereka yang bermotivasi pencapaian yang tinggi dan mempunyai matlamat mahu mengejar kejayaan (Khalid et al., 2008). Dalam kata lain, mahasiswa yang bermotivasi tinggi lebih tekun dan berminat untuk belajar.

Walaupun begitu, kecemerlangan prestasi akademik mahasiswa bukanlah dimanifestasi menerusi hubungan motivasi pencapaian semata-mata. Ia turut dilihat mempunyai hubungan erat dengan keberkesanan kemahiran belajar yang diterapkan dalam diri seseorang individu yang bergelar mahasiswa tersebut. Ini dijelaskan oleh Baharin, Othman, Syed Mohd Syafeq dan Haliza (2007) yang berpendapat, perbezaan tahap motivasi seseorang individu itu dipengaruhi oleh sikapnya terhadap pengajaran dan pembelajaran, cara dirinya merespon proses pendidikan tersebut dan kemudiannya diserlahkan melalui hasil keputusan akademik yang diperolehnya (Mohamad Zaki, 2012). Ini turut disokong oleh Cornish (2007) yang menyatakan bahawa konsep "*learning how to learn*" dalam kemahiran belajar dapat meningkatkan keinginan ingin tahu yang kuat, menjadikan pelajar lebih berdikari, dan memberi motivasi yang tinggi untuk mempelajari serta meningkatkan pengetahuan pelajar agar mampu mengikuti perkembangan dan keperluan semasa (Ahmad Firdaus, 2007; Hafisah, 2008). Dalam kata lain, penguasaan terhadap kemahiran belajar yang berkesan merupakan aset kepada mahasiswa dalam usaha mencapai kepakaran dalam sesuatu bidang pengkhususan sekaligus mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang tersebut.

Oleh hal demikian adalah amat penting bagi pihak universiti dalam merancang dan melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan motivasi pencapaian dan kemahiran belajar dalam kalangan mahasiswa di IPTA. Jamaludin dan Mohamad Safuan (2013) menjelaskan pelaksanaan program-program motivasi mempunyai peranan besar dalam meningkatkan tahap motivasi dalaman seseorang individu. Keterlibatan mahasiswa dalam program-program motivasi secara tidak langsung dapat mengubah mental atau fikiran penuntut universiti ke arah perubahan tingkah laku yang positif. Justeru itu, keperluan modul motivasi di universiti yang berfokus kepada golongan berprestasi rendah ini merupakan alat untuk meningkatkan tahap motivasi mereka dari segi dalaman dan juga luaran. Hal ini juga adalah kerana modul motivasi merupakan modul yang berteraskan kepada pelbagai aktiviti yang melibatkan mahasiswa ke arah meningkatkan produktiviti, pencapaian, semangat dan kesedaran yang berkekalan (Jamaludin & Safuan, 2013; Amalia Madhie & Sidek Mohd Noah, 2013).

1.3 Penyataan Masalah

Dalam tempoh satu dekad, peningkatan akses dalam pendidikan tinggi di Malaysia telah memperlihatkan kadar peningkatan yang begitu ketara, apabila direkodkan seramai 1.2 juta pelajar daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia telah berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Dalam tempoh 1990 hingga 2010 juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) telah melaporkan enrolmen bagi pelajar di peringkat Sarjana Muda sahaja telah meningkat enam kali ganda dalam tempoh tersebut. Hal ini telah menunjukkan sistem pendidikan Malaysia berupaya

menyediakan platform bagi pendidikan lanjutan yang selaras dengan penghasilan modal insan dan pembangunan negara.

Kecemerlangan akademik adalah suatu indikator yang digunakan untuk menjelaskan pencapaian atau tahap kemahiran mahasiswa dalam bidang-bidang tertentu, yang mana ia dinilai menggunakan GPA (*Grade Point Average*) atau CGPA (*Cumulative Grade Point Average*) (Khalid et al., 2008). Namun, isu pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan mahasiswa universiti khususnya di universiti awam Malaysia telah menimbulkan persoalan iaitu, bagaimana pihak universiti mengambil tanggungjawab untuk terus menghasilkan graduan mahasiswa yang bukan sahaja berketerampilan tinggi bahkan mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang (Sapora Sipon, 2001). Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa terdapat banyak faktor yang mengaitkan senario pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan mahasiswa universiti iaitu, antaranya seperti sikap pelajar, pensyarah, pengaruh rakan-rakan (Sapora Sipon, 2001), pengaruh persekitaran (Zahanim, 2017), pengurusan masa (Azura, et al., 2015), dan banyak lagi.

Isu pencapaian rendah akademik di peringkat pengajian tinggi khususnya di universiti banyak diperkatakan mengenai masalah mahasiswa yang cemerlang peringkat sekolah atau matrikulasi, namun apabila berada di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda di universiti awam keputusan akademik mereka ini dilaporkan tidak mampu cemerlang sebagaimana di peringkat sebelumnya (Muhammad Shukri, Meer Zhar Farouk & Mohd Zahari, 2006). Senario ini disokong oleh Enns, Cox, Sareen dan Freeman (2001) dalam kajian mereka yang telah menunjukkan bahawa terdapat segelintir mahasiswa yang dahulunya merupakan pelajar cemerlang semasa di peringkat sekolah dan dianggap sebagai terbaik berdasarkan keputusan peperiksaan, tetapi apabila berada di peringkat pengajian universiti, mereka ini antara

kalangan pelajar yang mengalami kegagalan (Azura et al., 2015). Menurut Enns et al. lagi, golongan mahasiswa ini mula mempamerkan penurunan prestasi akademik apabila Purata Nilai Gred (PNG) kurang daripada 2.00, sehinggakan perkara yang paling mendukacitakan adalah apabila mereka tidak mampu untuk meneruskan pengajian dan ditamatkan pengajian oleh universiti disebabkan kelemahan prestasi akademik. Isu ini sememangnya perlu dilihat secara holistik kerana pencapaian akademik yang rendah bukan bermakna mahasiswa ini tidak bijak atau mempunyai kebolehan akademik yang rendah (Aluja & Blanch, 2004) kerana syarat kemasukan mereka ke universiti dengan mendapat keputusan yang baik di peringkat menengah telah membuktikan mereka adalah dalam kalangan pelajar cemerlang.

Khairuddin (2007) dalam Nurul Fatin (2013) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian akademik rendah merupakan golongan yang kurang bermotivasi. Motivasi berfungsi sebagai penggerak atau tenaga yang dapat menghala dan menguruskan tingkah laku seseorang individu itu menuju ke arah matlamat yang ingin dicapai. Sapora Sipon (2001) menjelaskan kelemahan kebanyakan mahasiswa universiti dalam bidang akademik adalah kerana mereka bermotivasi lemah dalam berdepan dengan cabaran akademik seperti, perbezaan penilaian keputusan peperiksaan pada peringkat universiti dan menengah itu sendiri memperlihatkan kesukaran bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan cara pembelajaran di universiti (Abdul Muqsith, 2013). Saemah dan John (2006) turut mendapati motivasi dalam bidang pendidikan secara konsisten menunjukkan hubungan positif antara motivasi dengan pencapaian akademik. Maka suntikan motivasi seseorang individu itu diperlukan agar ianya dapat mencetuskan kemahuan diri mahasiswa berpencapaian rendah untuk melakukan sesuatu yang sukar dan mengatasi halangan demi matlamat yang ingin dicapainya. Suntikan motivasi ini pula haruslah dapat

mendorong mahasiswa untuk mengubah mental ke arah perubahan tingkah laku yang positif iaitu merangkumi kehendak, naluri, dan matlamat.

Khalid (2005) pula menjelaskan proses pencapaian akademik seseorang pelajar itu dipengaruhi oleh elemen kemahiran belajar yang mana merangkumi strategi belajar yang mantap dan bersesuaian dengan personaliti individu. Pernyataan ini diturut disokong oleh Baharin, et al. (2007) yang mana kajian mereka mendapati bahawa kurangnya pengetahuan dalam mencari kemahiran belajar yang bersesuaian menyebabkan pelajar menghadapi masalah sehingga mereka gagal mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik. Dalam erti kata lain, pelajar yang mempunyai kemahiran belajar yang lemah terdiri daripada pelajar yang berprestasi akademik rendah. Di samping itu, sistem pendidikan di Malaysia terutama sekali di peringkat sekolah kurang memberi penekanan kepada teknik belajar secara formal (Sarena, 2003) yang menyebabkan, apabila para pelajar ini berada di peringkat universiti, mereka akan mula menghadapi masalah dalam membahagikan masa, mencatat nota, merancang kerja dan membaca nota (Normurni, Haslina & Tengku Radzitan Mardziah, 2019). Keadaan menunjukkan bahawa punca berlakunya kemerosotan pencapaian akademik dalam kalangan mahasiswa universiti adalah apabila mereka gagal menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti serta organisasi gaya pembelajaran yang tidak betul.

Secara dasarnya, permasalahan akademik yang berlaku adalah melibatkan hubungkait antara motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik. Lemahnya motivasi yang terbina dalam diri individu pelajar tersebut, ataupun kurangnya ilmu tentang kemahiran belajar yang betul akan memberi kesan kepada kemerosotan prestasi akademik. Ini memperlihatkan bahawa motivasi pencapaian dan kemahiran belajar saling berhubungan antara satu sama lain. Hubungan kedua-

dua aspek/elemen ini diterjemahkan menerusi prestasi akademik yang diperoleh. Oleh hal demikian, Abdul Hamid (1994) dalam Sapora Sipon (2001), menjelaskan bahawa permasalahan-permasalahan akademik yang wujud ini merupakan penyebab utama mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menggunakan perkhidmatan kaunseling. Dalam erti kata lain, pelajar yang sedar dirinya mempunyai masalah akademik akan berusaha untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Kensington (1970) berpendapat golongan pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi sebaik sahaja tamat persekolahan menengah perlu diberikan bimbingan dan panduan yang sewajarnya kerana mereka ini tergolong dalam keadaan yang terpisah dalam beberapa cara daripada masyarakat dewasa (Muhd Mansur & Siti Nurdinar, 1992). Menurut Taip dan Abdul Halim (2009), golongan pelajar ini adalah tergolong dalam golongan yang cenderung untuk berdepan dengan pelbagai konflik serta perkara yang boleh mempengaruhi cara kehidupan mereka di universiti iaitu seperti, (i) Wujudnya ketegangan antara dirinya dengan masyarakat dan sifat-sifat yang berkembang pada dirinya menyebabkan mereka mula bertanya dan menentukan siapakah dirinya; (ii) Konsep mencuba-cuba untuk kepuasan dirinya; (iii) Pergolakan dalaman diri yang sentiasa berubah; (iv) Enggan bergaul, cuba menyingkirkan diri dan keluar daripada peranan dan tanggungjawab sepatutnya; serta (v) Konflik konsep sendiri iaitu antara sebagai remaja yang mempunyai minat yang kuat atau sebagai dewasa yang mempunyai tugas-tugas tertentu.

Oleh hal demikian, fungsi program yang berteraskan intervensi atau motivasi akan membimbing dan memberi panduan kepada mereka untuk berdepan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan psikologi. Hal ini adalah kerana proses pengurusan kehidupan universiti amat berbeza dan mencabar berbanding dengan kehidupan mereka sebagai seorang pelajar sekolah. Pembinaan alat intervensi atau

motivasi seperti modul dilihat dapat bertindak sebagai keperluan mahasiswa berprestasi rendah dalam memotivasi pelajar bermula daripada aspek bimbingan dan seterusnya kepada pendekatan psikologikal dengan lebih mendalam. Justeru itu, kajian penyelidikan yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk membina suatu modul intervensi bagi membantu serta membimbing para mahasiswa universiti dan institusi pengajian tinggi yang mempunyai permasalahan akademik meliputi aspek motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik.

Pembinaan modul PiNTAS adalah sebagai suatu langkah atau usaha untuk memberi fokus kepada individu yang bergelar mahasiswa terutama sekali mereka yang tergolong dalam berprestasi akademik rendah. Program pembinaan modul yang melibatkan bidang akademik mahupun dalam bidang kaunseling telah banyak diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Setiap modul mempunyai peranan dan fungsi masing-masing kepada sasarannya tertentu. Apa yang boleh saya katakan, keunikan pembinaan modul PiNTAS berbanding modul-modul bimbingan atau intervensi yang lain adalah dibina supaya dapat memberikan kesan lebih positif ke atas kelompok yang signifikan iaitu mahasiswa berprestasi rendah. Lazimnya, modul yang dibina disasarkan kepada kumpulan yang bersifat umum seperti mahasiswa IPT, murid sekolah rendah, sekolah menengah dan lain-lain lagi. Modul PiNTAS ini adalah suatu modul yang berbentuk intervensi iaitu meliputi bimbingan dan kaunseling kepada mahasiswa berprestasi rendah yang melanjutkan pengajian di universiti awam negara Malaysia.

Modul PiNTAS yang dibangunkan ini juga meliputi aspek pencegahan daripada berlakunya keciciran akademik menerusi dan memulih semula prestasi akademik mahasiswa yang terbabit, yang mana peserta bukan sahaja mendapat manfaat input mengenai strategi pembelajaran bahkan peserta akan dibimbing dari

segi rawatan psikologi dalam pemulihan motivasi diri (dalaman dan luaran). Menurut pemerhatian dan pencarian pembina, tidak terdapat modul intervensi pelajar universiti yang jelas dalam memulihkan mahasiswa yang berprestasi rendah (gred CGPA 2.0) menerusi tiga elemen pemulihan iaitu motivasi pencapaian, kemahiran belajar dan prestasi akademik. Jadi bagi memenuhi keperluan ini, modul PiNTAS telah dibangunkan berasaskan strategi yang dirancang oleh pembina, bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mahasiswa berprestasi rendah di universiti.

1.4 Objektif Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menguji kesan Modul Program Intervensi Akademik Siswa (PiNTAS) terhadap mahasiswa yang dikenal pasti mempunyai prestasi akademik yang rendah melalui modul yang dibangunkan. Justeru, objektif kajian ini boleh dinyatakan seperti berikut, iaitu untuk:

- i. Mengemukakan profil mahasiswa universiti yang berprestasi rendah.
- ii. Mengenal pasti isu dan cabaran mahasiswa universiti yang berprestasi rendah.
- iii. Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan Modul PiNTAS yang dibangunkan bagi membantu mahasiswa berprestasi rendah di universiti.
- iv. Menguji kesan Modul PiNTAS terhadap motivasi pencapaian mahasiswa yang berprestasi rendah di universiti.
- v. Menguji kesan Modul PiNTAS terhadap kemahiran belajar mahasiswa yang berprestasi rendah di universiti.
- vi. Menguji kesan Modul PiNTAS terhadap prestasi akademik mahasiswa berprestasi rendah di universiti.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, berikut dikemukakan soalan-soalan kajian bagi penyelidikan ini:

- i. Bagaimanakah profil mahasiswa universiti yang berprestasi rendah?
- ii. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa universiti yang berprestasi rendah?
- iii. Apakah tahap kesahan dan kebolehpercayaan Modul PiNTAS yang dibangunkan bagi membantu mahasiswa berprestasi rendah di universiti?
- iv. Apakah kesan Modul PiNTAS terhadap motivasi pencapaian mahasiswa yang berprestasi rendah di universiti?
- v. Apakah kesan Modul PiNTAS terhadap kemahiran belajar mahasiswa yang berprestasi rendah di universiti?
- vi. Apakah kesan Modul PiNTAS terhadap prestasi akademik mahasiswa berprestasi rendah di universiti?

1.6 Rasional dan Kepentingan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dibincangkan, pengkaji mendapati bahawa hasil kajian yang akan diperolehi kelak dapat memberi beberapa kepentingan dan manfaat kepada mereka yang terlibat, antaranya adalah:

1.6.1 Mengenal pasti, Membantu dan Membimbing Mahasiswa Menghadapi Masalah Berkaitan Akademik Di Universiti Secara Berkesan

Kehidupan sebagai mahasiswa di universiti sering terdedah kepada pelbagai cabaran dan masalah terutamanya masalah psikologi (Nurul Hidayati, 2013). Keadaan ini boleh menyebabkan golongan ini terkandas di pertengahan jalan dan